



Rujukan Kami : JPA.BK(S)241/67/5 Jld 4 (7)
Tarikh : 30 Disember 2021

Seperti Senarai Edaran

YBhg. Dato' Sri/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan,

URUSAN PEMANGKUAN BERASASKAN KRITERIA KECEMERLANGAN BAGI SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL DAN PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL, PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN BAGI TEMPOH JANUARI HINGGA JUN TAHUN 2022

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Dato' Sri/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam proses persediaan urusan Pemangkuan Berasaskan Kriteria Kecemerlangan (KC) bagi skim perkhidmatan Pegawai Latihan Vokasional (PLV) dan Penolong Pegawai Latihan Vokasional (PPLV) bagi tempoh Januari hingga Jun tahun 2022. Sehubungan itu, pegawai PLV dan PPLV yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan adalah dipelawa untuk mengemukakan permohonan mengikut urusan berikut:

- i. Pemangkuan dari Gred DV52 ke Gred DV54;
- ii. Pemangkuan dari Gred DV48 ke Gred DV52;
- iii. Pemangkuan dari Gred DV44 ke Gred DV48;
- iv. Pemangkuan dari Gred DV38 ke Gred DV40;
- v. Pemangkuan dari Gred DV36 ke Gred DV38; dan
- vi. Pemangkuan dari Gred DV29/30 ke Gred DV36.

3. Untuk makluman YBhg. Dato' Sri/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan, keterangan berhubung syarat-syarat permohonan, prosedur dan borang permohonan disertakan di **Lampiran 1, Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C, Borang 1A, Borang 2A dan Borang 3A**. Pegawai yang berminat untuk memohon pemangkuan ini **dikehendaki untuk menyediakan dokumen pembuktian** seperti yang ditetapkan dalam **Garis Panduan Kenaikan Pangkat Berasaskan Kriteria Kecemerlangan Skim Perkhidmatan Pegawai Latihan Vokasional dan Penolong Pegawai Latihan Vokasional**. Garis Panduan tersebut boleh dirujuk dan dimuat turun dalam laman web Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) di pautan www.dsd.gov.my.

4. Semua permohonan yang telah dinilai dan dilengkapkan di peringkat Ketua Jabatan hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia Jawatankuasa Penilaian Kecemerlangan (JKPK) di Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia (JPK, KSM) melalui Pengurusan Sumber Manusia Jabatan/ Agensi pada atau sebelum **29 April 2022 (Jumaat)**.

5. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato' Sri/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan untuk membuat hebahan kepada pegawai yang berkenaan di bawah Kementerian/ Jabatan/ Agensi tadbiran YBhg. Dato' Sri/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENERAJU PEMBAHARUAN, PENGGERAK PERUBAHAN”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK ABD SHUKOR BIN MAHMOOD)

Pengarah

Bahagian Perkhidmatan

Jabatan Perkhidmatan Awam

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

☎ : 03-8885 4002

✉ : shukor.mahmood@jpa.gov.my

Senarai Edaran:

1. **YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan Bin Hj. Ab. Aziz**
Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Aras 12, Blok D1, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA
2. **YBhg. Dr. Hajah Maziah binti Che Yusoff**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 36, No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
3. **YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
Aras 15, Menara 4G1, Wisma Tani
No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
Aras 9, Blok D3, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
(u.p.: Setiausaha Bahagian Pembangunan, Kewangan dan Sumber Manusia)
Encik Mohd Hazli Ahmad @ Adnan
5. Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Aras 15, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 PUTRAJAYA
(u.p.: Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)
Puan Hazalia binti Hassan
6. Jabatan Perkhidmatan Awam
Aras 10, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan)
Encik Putra Nurwan Shah bin Baharuddin